

01 DEC 1999

P/Raya-Taib

PEMIMPIN BN SARAWAK DIARAH BERI PENJELASAN TENTANG MAKLUMAT PALSU

KUCHING, 1 Nov (Bernama) -- Pemimpin Barisan Nasional (BN) di Sarawak diarah supaya memberi penjelasan yang betul, terutama di kawasan yang tuduhan ke atas kerajaan begitu kuat, pada pilihan raya umum yang baru berakhir.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini berkata pada kebanyakan ketika, orang ramai telah diberikan fakta yang salah mengenai beberapa isu seperti Hak Adat Bumiputera (NCR) oleh pembangkang dalam usaha memancing undi.

"Saya percaya rakyat bukan jahat...mereka sebenarnya kadang-kadang diberi penerangan yang salah," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri sidang Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini.

Beliau berkata walaupun perkara itu bukan masalah besar, anggota-anggota parlimen dan dewan undangan negeri serta pemimpin parti komponen BN patut menjelaskannya propoganda yang bohong itu dengan keadaan yang sebenarnya.

Ketika menjelaskan pengambilan tanah NCR untuk tujuan pembangunan, beliau berkata ia digunakan untuk keperluan rakyat seperti jalan raya dan sekolah.

"Kerajaan tidak ada tujuan untuk mengusir rakyat," katanya.

Mengenai kejayaan BN menyapu bersih kesemua 28 kerusi parlimen di Sarawak, Abdul Taib berkata mandat itu membuktikan rakyat sudah menyedari bahawa hanya kerajaan BN boleh membawa pembangunan kepada mereka.

Mengenai dakwaan politik wang digunakan semasa pilihan raya, pengerusi BN negeri itu berkata beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu.

Pihak pembangkang mendakwa bahawa calon-calon BN telah melampaui had perbelanjaan pilihan raya yang tidak mmebenarkan mereka berbelanja lebih daripada RM300,000 dibawah Akta Pilihan Raya.

"Kita tidak banyak berbelanja kali ini dan tidak lebih daripada itu... hanya untuk menolong pengundi daripada jauh, anda (pemberita) akan tahu jika kita main duit, kita tidak boleh sorok perkara seperti ini," kata beliau.

Beliau berkata tuduhan itu juga menjadi sebab mengapa parti pembangkang tidak menang pada pilihan raya ini.

Mengenai menteri kabinet daripada Sarawak ke pusat, beliau menyerahkan perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memutuskannya.

-- BERNAMA

CJ ZB